



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 8 FEBRUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PETANI, PENTERNAK, NELAYAN DIBANTU, KOMUNITI KITA, UM -42	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	4 NELAYAN ASING DITAHAN, NEGERI, SH -28	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3. 4. 5. 6. 7. 8.	GUDANG SOROK DAGING DIRAGUI DIBONGKAR, DALAM NEGERI, UM -12 PENGURUS GUDANG KARTEL DIREMAN 2 HARI. MAHKAMAH & JENAYAH, SH -22 MAQIS CONFIRMS MEAT PUCHONG WAREHOUSE UNCERTIFIED, NEWS/NEWS IN BRIEF, NST -14 MAQIS RAMPAS 3 KONTENA DAGING, NASIONAL, BH -17 GUDANG CAMPUR DAGING TAK SAH DISERBU, NEGARA, KOSMO -8 DAGING HALAL CAMPUR RAGU, LOKAL, HM -4	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
9. 10.	BASMI KEMISKINAN PESAWAH UNTUK SELAMATKAN PENGELUARAN PADI NEGARA, MEMO PEMBACA, HAKAKAH -F5 HILANG STATUS DAKWAAN TERSASAR – PENERUSI MADA, UTARA, HAKAKAH -H18	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
11.	FAMA SUMBANG BARANG KEPERLUAN KEPADA MANGSA BANJIR DI PAHANG, NEGERI SELANGOR/KL/JOHOR, SH -25	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
12.	PESAWAH RUGI HARGA TETAP BENIH PADI, NEGERI SELANGOR/KL/JOHOR, SH -25	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
13.	2,000 NELAYAN 'DITIPU' ORANG TENGAH, NEGARA, KOSMO -11	PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT)
14. 15. 16. 17.	PENIAGA MENGELUH HARGA CILI PADI MERAH CECAH RM30 SEKILO, LOKAL, HM -20 CIKGU 'MAIN' CANGKUL, AKADEMIA, HM -37 HARGA SAYUR MENINGKAT, PENIAGA 'TAWAR HATI', NASIONAL, BH -22 PENSYARAH UMT HASIL PRODUK TENAGA GUNA ROTI LEBAH, NASIONAL, BH -22	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Petani, penternak, nelayan dibantu

KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Makanan melaksanakan Misi MAFI Prihatin di Tumpat, Kelantan bagi membantu golongan petani, penternak dan nelayan yang terjejas akibat banjir baru-baru ini.

Sumbangan itu disampaikan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi kepada 450 penerima di Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tumpat.

Che Abdullah berkata, seramai 1,461 ahli PPK di seluruh negeri mendapat manfaat daripada Misi MAFI Prihatin dengan peruntukan berjumlah RM146,000.

Katanya, di kawasan Tumpat, sumbangan berupa makanan keperluan asas itu melibatkan

peruntukan berjumlah RM45,000.

"Sumbangan ini merupakan tanggungjawab sosial MAFI serta agensi-agensi seperti Lembaga Pertubuhan Peladang dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) untukeringankan beban rakyat," katanya.

Misi MAFI Prihatin dilancarkan pada 21 Januari lalu di Wisma Tari Putrajaya. Selangor oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

■ CHE Abdullah Mat Nawi (tengah) bersama sumbangan makanan keperluan asas untuk diagihkan kepada petani, penternak dan nelayan terjejas banjir Misi MAFI Prihatin di PPK Tumpat baru-baru ini.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/2/2021	SINAR HARIAN	NEGERI	28

4 nelayan asing ditahan

Bot ceroboh perairan negara

Oleh NORMAWATI ADNAN

LUMUT

Sebuah bot bersama empat kru dari Indonesia ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) Perak kerana menceroboh perairan negara pada kedudukan 16 batu nautika barat laut Pulau Jarak di sini pada Sabtu.

Kehadiran bot itu dikesan melakukan aktiviti perikanan dalam kawasan perikanan negara oleh *KM Tugau* yang dalam rondaan Ops Benteng sekitar jam 5.40 petang.

Pengarah Maritim Perak, Kepten Shahrizan Raman berkata, siasatan dijalankan mendapati bot dikendalikan empat kru warga Indonesia termasuk tekong berusia antara 20 dan 40 tahun itu tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri yang sah.

“Kesemua nelayan asing itu ditahan untuk disiasat di bawah Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985 iaitu menangkap ikan di perairan Malaysia tanpa kebenaran Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

“Siasatan juga dibuat meng-



Empat nelayan asing dari Indonesia ditahan untuk siasatan lanjut.

ikut Seksyen 6(1)(a) Akta Imigresen 1959/63 kerana memasuki Malaysia tanpa permit masuk yang sah dan Seksyen 6(1)(c) kerana memasuki Malaysia tanpa memiliki dokumen yang sah,” katanya.

Menurutnya, jika disabitkan kesalahan di bawah Akta Perikanan, tekong boleh dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM6 juta dan kru pula didenda RM500,000 setiap orang dengan penjara enam bulan sehingga setahun.

Di bawah Akta Imigresen 1959/63 pula tertuduh boleh didenda tidak lebih RM10,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya seka-

li dan boleh dikenakan tidak lebih enam sebatan.

Katanya, kru dan tekong bersama bot tahanan telah dibawa masuk ke Pusat Tahanan Vessel (PTV) Kampung Bharu dan diserahkan kepada pegawai penyiasat Maritim Negeri Perak untuk tindakan lanjut.

Katanya, Maritim Perak akan terus meningkatkan kawalan sempadan negara menerusi Ops Benteng.

“Orang ramai diminta memberi kerjasama dengan menyalurkan maklumat lengkap melalui talian MERS 999, Pusat Operasi Maritim Perak 05-683 8737 atau NTF 011-6251 1123,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/2/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12

Gudang sorok daging diragui dibongkar

PUTRAJAYA: Sebuah gudang sejuk beku di Puchong, Selangor yang menyimpan daging diragui status halalnya dibongkar Jabatan Perkhidmatan Kuārantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis).

Kejayaan itu hasil serbuan bersama-sama pelbagai agensi lain, Jumaat lalu yang menemukan tiga kontena berisi daging dipercayai diseludup.

Penemuan itu menjadi kes kedua selepas sebuah gudang sejuk beku produk daging dikhuatiri tidak halal di Johor Bahru, Johor awal Disember lalu.

“Pemeriksaan awal mendapati, sumber daging yang ditemukan itu bercampur aduk antara daging dari rumah sembelihan yang diluluskan dan tidak,” katanya semalam.

Kes tersebut disiasat di bawah Seksyen 11 dan 15, Akta Perkhidmatan Kuārantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) iaitu mengimport keluaran pertanian tanpa permit, lesen atau perakuan serta gagal mematuhi syarat permit import.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/2/2021	SINAR HARIAN	MAHKAHMAH & JENAYAH	22

Pengurus gudang kartel daging sejuk direman 2 hari

Susulan pihak Maqis merampas daging sejuk beku seludup dalam tiga buah kontena

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

PUCHONG

Seorang pengurus syarikat sebuah gudang kartel daging sejuk beku di sini direman dua hari untuk siasatan lanjut.


Sumber Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) berkata, reman terhadap lelaki berusia 45 tahun itu bermula Ahad.

"Siasatan lanjut masih dijalankan untuk mengenal pasti rangkaian gudang tersebut. Maqis juga akan menyiasat bagaimana kemasukan daging tidak sah itu berlaku.

"Kita tidak akan berkompromi dan akan mengambil tindakan tegas di bawah peruntukan undang-undang yang ada," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Terdahulu, *Sinar Harian* melaporkan Maqis mengesyaki terdapat kegiatan pembungkusan semula yang dilakukan di gudang terbabit.

Serbuan yang diketuai Polis



Sebuah gudang kartel daging sejuk beku di Puchong, Selangor diserbu pada Jumaat.

Diraja Malaysia (PDRM), Maqis dan agensi penguat-kuasa lain itu bertindak merampas daging sejuk beku seludup yang dimuatkan dalam tiga kontena.

Maqis dalam satu kenyataan berkata, hasil pemeriksaan dan maklumat awal mendapati sumber daging yang ditemui tersebut bercampur aduk dari rumah penyembelihan yang tidak diluluskan bersama yang diluluskan

oleh kerajaan.

Jelas kenyataan itu, sehingga lewat malam, PDRM dan Maqis bertungkus-lumus mengira kuantiti daging yang disita untuk ditempatkan di tempat-tahanan Maqis.

Tambahnya, kes disiasat di bawah Seksyen 11 dan 15, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/2/2021	NST	NEWS/ NEWS IN BRIEF	14



Boxes of frozen beef in a Puchong cold storage factory yesterday. PIC COURTESY OF THE MALAYSIAN QUARANTINE AND INSPECTION SERVICES DEPARTMENT.

Maqis confirms meat at Puchong warehouse uncertified

MOHAMED BASYIR -
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) has confirmed that the frozen beef seized three days ago in a Puchong cold storage factory was from an uncertified abattoir.

It also confirmed the frozen beef seized was a mixture of beef from certified and uncertified abattoirs.

"Three containers of frozen beef were found at the warehouse and were seized by Maqis," it said yesterday.

The *New Sunday Times* reported about the suspected possession of frozen beef obtained from uncertified sources.

Police, together with the Domestic Trade

and Consumer Affairs Ministry, raided the premises about 7.30pm on Friday following a tip-off.

Serdang police chief Assistant Commissioner Razali Abu Samah confirmed that 12 men, including 11 foreigners, were detained in the raid.

Two of these men, a Malaysian and a Hong Kong national, are being investigated under Section 55b of the Immigration Act, 1959/63 for working without a valid permit.

The others, who were from Myanmar, were detained under Section 6(1)(c) of the same act for not having a valid travel pass.

The meat cartel issue surfaced last year following various news reports. NST reported that the cartel had been in operation for more than 40 years.

MAQIS rampas 3 kontena daging

Produk sejuk beku ditemui bercampur dari rumah sembelihan tidak diiktiraf

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Penerimaan Malaysia (MAQIS) menemui tiga kontena daging sejuk beku dipercayai diseludup yang bercampur aduk dengan daging dari rumah penyembelihan yang tidak diiktiraf, Jumaat lalu.

Serbuhan ke atas gudang yang terletak di Puchong, jam 7.30 malam itu dilakukan bersama dengan polis dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengagama (KPDNHEP), sebelum kes diserahkan kepada MAQIS untuk siasatan lanjut.

MAQIS dalam kenyataannya semalam berkata, hasil maklumat

awal yang diperoleh, pihaknya mendapati sumber daging yang ditemui bercampur dari rumah penyembelihan tidak diiktiraf dan diiktiraf pihak berkuasa.

"Sehingga lewat malam tadi (semalam), polis bersama MAQIS mengira kuantiti daging itu yang disita dan akan ditempatkan di tempat tahanan MAQIS.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 11 dan 15, Akta MAQIS 2011 (Akta 728)," katanya.

MAQIS berkata, aktiviti mengimport keluaran pertanian tanpa permit, lesen atau perakuan adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta 728.

Katanya, jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun, atau kedua-duanya sekali mengikut Seksyen 11(3) akta yang sama.

"Kegagalan mematuhi syarat permit import MAQIS yang sah pula juga satu kesalahan mengikut Seksyen 15(1), Akta 728.

"Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya



Serbuhan menemui produk sejuk beku dipercayai diseludup dalam gudang di Puchong, Jumaat lalu.

sekali di bawah Seksyen 15(2) Akta sama," katanya.

Jabatan itu berkata, kerjasama strategik dan operasi bersepadu MAQIS bersama agensi lain akan sentiasa diperkemas dan ditingkatkan bagi memastikan kawalan import komoditi pertanian, terutama daging dapat diperkukuhkan.

MAQIS amat menghargai kerjasama rakan strategik antara polis, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), KPDNHEP dalam menangani isu nyeludupan seperti ini," katanya.

BH kelmarin melaporkan, serbuhan gudang sejuk beku di Taman Perindustrian Puchong, diserbu

pihak berkuasa kerana disyaki menyimpan bekalan daging sejuk beku, tanpa mengikut saluran yang sah.

Gudang sejuk beku yang sudah beroperasi sejak 2005 itu dipercayai membekalkan organ dalam lembu termasuk tulang, ekor, perut, paru ke pasar raya tempatan.

Maqis rampas tiga kontena daging sejuk beku dipercayai diseludup

Gudang campur daging tak sah diserbu

Oleh NOR AZHAN MD. CHAZALI

PETALING JAYA - Tindakan pihak tidak bertanggungjawab mencampuradukkan daging dari pusat penyembelihan yang tidak diiktiraf terbongkar selepas sebuah gudang sejuk beku di Puchong diserbu Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis), Khamis lalu.

Maqis dalam satu kenyataan memberitahu, dalam serbuan kira-kira pukul 11 malam itu, pihaknya dengan kerjasama polis dan beberapa agensi penguat kuasa lain bertindak menyita tiga kontena daging yang dipercayai diseludup.

"Hasil pemeriksaan dan maklumat awal yang dijalankan, sumber daging yang ditemui itu bercampur aduk daripada abattoir (rumah sembelih) yang tidak diluluskan oleh kerajaan dengan

Menurutnya, perbuatan mengimport keluaran pertanian tanpa permit, lesen atau perakuan adalah satu kesalahan mengikut seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya menurut Seksyen 11(3) akta sama," ujarnya.

Mengulas lanjut katanya, sehingga lewat malam tadi (Ser malam) Maqis dan pihak PDRM bertungkus-lumus mengira kuantiti daging yang disita sebelum ditempatkan di tempat tabanan Maqis.

Ketika ditanya jumlah dan anggaran nilai rampasan, Maqis berkata, pihaknya masih menjalankan siasatan dan akan mengeluarkan kenyataan dalam



GUDANG sejuk beku yang diserbu selepas selepas disyaki mencampuradukkan bekalan daging yang tidak diiktiraf di Puchong, Khamis lalu.

yang diiktiraf. "Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 11 dan 15, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728)," katanya.

waktu terdekat.

Jelasnya, kerjasama strategik dan operasi bersepadu Maqis bersama agensi lain akan sentiasa diperkemas dan dipertingkatkan bagi memastikan kawalan import komoditi pertanian terutamanya daging dapat diperkukuhkan.

"Maqis amat menghargai kerjasama yang dimainkan oleh rakan strategik seperti polis, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Agama Islam Negeri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan lain-lain dalam menangani isu penyeludupan ini.

"Kami sangat komited dalam memastikan isu-isu yang membabitkan aspek halal, keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak merbahaya dapat dibendung serta dikawal," jelasnya.

Oleh Muhaamad Haffis
Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Puchong

Tiga kontena daging lembu yang status halalnya diragukan dan diseludup ditemui bercampur aduk dengan daging yang diluluskan kemasukannya oleh kerajaan di sebuah gudang di sini, kelmarin.

Difahamkan, gudang itu disewa oleh beberapa syarikat pengimport daging untuk menyimpan bekalan daging sejuk beku yang diimport dari luar negara.

Menurut sumber, sindiket yang menyeludup tiga kontena daging lembu itu juga menggunakan gudang sama untuk penyimpanan daging lembu yang status halalnya meragukan.

"Ini dipercayai bagi mengelirukan mata pihak berkuasa.

"Setakat ini, kita masih belum dapat pastikan dari negara mana daging itu diseludup dan semakan sedang dijalankan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Mengulas lanjut, sumber berkata, pelekat atau tag penanda yang digunakan pada daging sejuk beku yang dirampas itu juga meragukan. Sebab itu kita perlu siasat lebih lanjut dari mana loji (pusat penyembelihan dan pembungkusan) daging lembu yang dirampas itu," katanya.

Untuk rekod, hanya loji penyembelihan dan pembungkusan yang mendapat

SUSULAN MAQIS RAMPAS 3 KONTENA

Daging halal campur ragu



LAPORAN Metro Ahad, semalam.

kebenaran kerajaan dibenarkan membawa masuk daging sejuk beku ke negara ini.

Terdahulu, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dalam satu kenyataan berkata, polis yang mengetuai operasi itu menyerahkan kes terbabit kepada pihaknya untuk disiasat mengikut Seksyen 11 dan 15 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Sehingga lewat malam tadi (kelmarin), polis bersama Maqis bertungkus-lumus mengira kuantiti daging itu yang disita dan akan ditempatkan di tempat tahanan Maqis," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Maqis berkata, pihaknya sedang menyiasat untuk mengenal pasti identiti syarikat yang membawa masuk daging berkenaan selain negara asalnya.

Menurutnya, perbuatan mengimport keluaran pertanian tanpa permit, lesen atau perakuan adalah satu kesalahan mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) dan jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

"Manakala kegagalan mematuhi syarat permit import Maqis yang sah adalah suatu kesalahan mengikut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pe-

meriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang mana jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

"Kerjasama strategik dan operasi bersepadu Maqis bersama agensi lain akan sentiasa diperkembangkan dan dipertingkatkan bagi memastikan kawalan import komoditi pertanian terutama daging dapat diperkukuhkan," katanya.

Dalam kenyataan itu, Maqis berkata, pihaknya menghargai kerjasama yang dimainkan oleh rakan strategik seperti polis, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Agama Islam negeri, Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta lain-lain dalam menangani isu penyeludupan.

"Maqis komited dalam memastikan isu membabitkan aspek halal, keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak merbahaya yang boleh mengancam industri pertanian dan peternakan negara," katanya.



TIGA kontena daging lembu yang status halalnya diragukan yang dirampas di sebuah gudang di Puchong.

8/2/2021

HARAKAH

MEMO

F5

PEMBACA

Basmi kemiskinan pesawah padi selamatkan pengeluaran padi negara

Saudari Pengarang,

BARU-BARU ini heboh berkenaan dengan isu tanah bendang murah yang menjadi rebutan kontraktor untuk menjalankan projek pembinaan perumahan di negeri Kedah.

Hal ini disebabkan lebih daripada 35,000 hektar tanah bendang di negeri jelapang padi ini dilaporkan ditebus guna status tanah pertanian untuk dijadikan kawasan pembangunan bangunan komersial dan perumahan. Berdasarkan laporan tersebut, pihak pemaaju lebih gemar membina rumah di kawasan tanah berstatus pertanian khususnya bendang adalah disebabkan harganya yang lebih murah. Walau bagaimanapun, keadaan ini memberi ancaman kepada tahap keselamatan makanan negara.

Ini kerana, negeri Kedah merupakan pengeluar terbesar padi untuk menghasilkan beras yang menjadi makanan asasi utama di negara kita. Sebanyak 74 peratus hasil pengeluarannya berasal dari kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) yang mewakili sebahagian besar negeri Kedah dan juga Perlis.

Jika dihitung daripada keseluruhan pengeluaran beras negara, ianya hanya dapat

menampung 67 peratus daripada keperluan rakyat negara kita manakala baki selebihnya adalah diimport daripada negara pengeluar.

Jika kawasan sawah berkurangan, ianya akan menyebabkan pertambahan beras import bagi tujuan menampung bekalan makanan.

Hal ini akan menyebabkan kadar kecukupan diri (Self-sufficiency level, SSL), Malaysia bagi sektor pengeluaran beras akan terus menurun daripada jumlah sedia pada kadar 60 hingga 70 peratus pada masa kini.

Sehain daripada isu berkaitan dengan harga tanah yang murah yang menjadi tarikan pemaaju, faktor ekonomi masyarakat di kawasan sawah padi juga menjadi salah satu faktor kenapa perkara ini berlaku.

Lazimnya, para pesawah sebahagian besarnya merupakan golongan yang berada dalam kalangan golongan B40 dan mempunyai pendapatan tidak berada dalam kalangan miskin tegar.

Ditambah pula dengan masalah tanah bendang yang diwartis oleh ahli waris yang ramai dengan jumlah keluasan yang sempit, menyebabkan mereka lebih cenderung untuk menjual tanah. bendang bagi menyelesaikan

perkiraan sesama ahli keluarga. Apatah lagi dengan hasil padi yang tidak menentu dalam keadaan kos pengeluaran padi semakin meningkat, menjadikan sebahagian pesawah mengambil jalan mudah dengan menjual tanah sawah mereka dan menggantikannya dengan tanah baharu di kawasan desa yang mana harganya lebih murah.

Selain itu, ianya dapat merungkaikan masalah berkaitan dengan tanah warisan yang tidak dapat diagih kerana saiz yang terlalu kecil menyebabkan tanah tersebut dijual dan agihan duit dibuat sesama mereka.

Hasil jualan ini juga digunakan bagi tujuan menampung kehidupan, pengajian anak-anak sama ada di peringkat rendah, menengah sehingga ke peringkat pengajian tinggi dan ada juga yang menggunakannya bagi tujuan rawatan perubatan.

Jika dilihat daripada kajian Khazanan Research Institute pada tahun 2016 menunjukkan pendapatan isi rumah golongan pesawah di kawasan MADA adalah RM2,527 iaitu di bawah pendapatan isi rumah kumpulan B40 terkini di negeri Kedah iaitu di antara RM3,190 hingga RM3,799.

Ditambah pula perkembangan pesat kawasan Alor Setar dan bandar-bandar baharu yang tumbuh berdekatan dengan



Tanah bendang murah menjadi rebutan kontraktor untuk menjalankan projek perumahan di negeri Kedah.

kawasan sawah menyebabkan permintaan bangunan komersial dan perumahan bertambah di negeri Kedah meningkat.

Berbeza dengan negeri lain, sebahagian besar kawasan rata dan pamah di negeri Kedah yang terletak di kawasan bandar adalah tanah berstatus pertanian sawah padi.

Sebagai golongan yang terlibat secara langsung dalam memastikan kelestarian hidup seluruh rakyat di negara ini, kebajikan para pesawah khususnya dalam kalangan B40 mestilah dibincang secara tuntas.

Kita tidak hanya mencari solusi kenapa dan mengapa kadar tanah sawah semakin mengecil serta hasilnya semakin berkurang, tetapi dalam pada masa yang sama, tekanan ekonomi dalam kalangan pesawah juga harus diambil kira bagi menyelesaikan masalah ini.

Jika kita mempunyai jentera perkhidmatan awam untuk membantu urus tadbir negara, golongan pesawah ini juga boleh dianggap sebagai 'jentera' utama negara yang membantu memastikan bekalan makanan

negara sentiasa terjamin pada setiap masa dan ketika.

Sekiranya kehidupan para pesawah ditambah baik dan disokong dengan undang-undang yang mengawal tebus guna tanah pertanian sawah yang lebih tegas, masalah ini akan dapat diatasi demi kelangsungan jaminan makanan masa depan negara.

Kerajaan Persekutuan diharapkan dapat memberi sokongan dalam bentuk insentif tunai kepada kerajaan negeri dalam menjayakan agenda mengekalkan sawah-padi di negeri Kedah untuk kelangsungan makanan negara melalui Pelan Pembangunan Kedah 2035.

Melalui insentif ini, ianya dapat membantu kerajaan negeri dalam membangunkan sektor ekonomi baharu bagi tujuan meningkatkan pendapatan rakyat termasuk golongan pesawah bagi memacu pertumbuhan ekonomi negeri yang kini antara terkebelakangan jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia.

Dr Mohd Faisal Mustaffa
Pengarah Pusat Kajian Kemiskinan dan Pembangunan Asnaf Kedah

Hilang status, dakwaan **tersasar** - **Pengerusi MADA**

Oleh **SARINA ISMAIL**

ALOR SETAR: Tuduhan se-setengah pihak kononnya Kedah bakal hilang status negeri Jelapang Padi amat tidak tepat malah sengaja digembar-gemburkan pihak media.

Sedangkan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) komited dan sentiasa giat mempertingkatkan hasil pengeluaran padi negara melalui pelbagai kaedah terkini.

Pengerusinya, Ustaz Ahmad Tarmizi Sulaiman berkata, dakwaan yang disiarkan osebuaah akhbar tempatan baru-baru ini mengatakan Kedah bakal hilang status negeri Jelapang Padi ekoran seluas 35,000 hektar kawasan pertanian itu dimajukan, adalah tidak tepat.

Kata beliau, terkini keluasan asal penanaman padi di Kawasan Muda adalah seluas 96,558 hektar iaitu 77,882 hektar di Kedah manakala 18,676 hektar di Perlis.

"Mengikut rekod MADA sawah padi di dalam Kawasan Muda yang telah diluluskan ubah syarat oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sejak daripada tahun 1970 sehingga 2020 adalah seluas 8,389.02 hektar.

"Sementara pada tahun 2009 Kerajaan Negeri Ke-

dah telah mewartakan tambahan seluas 2,730 hektar penanaman padi sebagai Kawasan Muda," maklum beliau dalam kenyataannya baru-baru ini.

Manakala katanya pada tahun 2011 Perlis turut mewartakan seluas 1,397 hektar sebagai Kawasan Muda dan dengan pewartaan kawasan pinggir MADA ini menjadikan keseluruhan parcel padi di Kawasan Muda adalah seluas 100,685 hektar.

Katanya lagi, MADA sentiasa optimis untuk terus menjadi penyumbang utama kepada pengeluaran padi Negara melalui pelbagai program yang telah, sedang dan akan dilaksanakan.

"Pada tahun 2011 MADA telah melaksanakan Projek Estet Padi di bawah program National Key Economic Area (NKEA) EPP 10 yang mensasarkan peningkatan hasil padi bagi setiap hektar kawasan sawah padi," jelasnya lagi.

Sehubungan itu, kata Ahli Parlimen Sik itu lagi, program itu diteruskan dengan pelaksanaan Program Penanaman Padi Skala Besar (PPSB) yang dimulakan pada tahun 2020 sebagai pemangkin kepada peningkatan hasil padi.

Program berkenaan tambah beliau mensasarkan penglibatan usahawan



Pengerusi MADA semasa lawatan ke sawah padi sebelum ini.

padi, Persatuan Peladang Kawasan (PPK) dan pihak GLC bagi mengusahakan sawah padi di dalam skala yang besar.

"Impak daripada usaha ini, Kawasan Muda mampu menyumbang kepada negara dengan peningkatan kepada 43 peratus pada tahun 2020 berbanding 40 peratus pada tahun 2018.

"Sebagai rekod pada tahun 2020 purata hasil padi yang dikeluarkan adalah sebanyak 5.98 metrik tan perhektar dengan jumlah pengeluaran sebanyak 1.204 juta metrik tan bernilai RM1.87 billion," sambungnya.

Justeru itu katanya, MADA mengorak langkah ke hadapan melalui Rancangan Malaysia Ke-12 dan memfokuskan kepada penggunaan teknologi IR4.0 sep-

erti GIS untuk sistem membuat keputusan dan amaran awal.

Ia juga teknologi pertanian tepat bagi pengurusan ladang yang lebih efisien dan pembangunan peladang muda sebagai generasi pelapis.

Sehubungan itu katanya, dijangkakan purata pengeluaran hasil padi di Kawasan Muda dapat ditingkatkan kepada 6.50 metrik tan sehektar menjelang tahun 2025.

"MADA yakin langkah yang dirancang ini dapat meningkatkan pengeluaran padi dan pendapatan peladang sekali gus menjamin keselamatan pengeluaran makanan negara dengan dukungan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta Kerajaan Negeri Kedah dan Negeri Perlis," ujar beliau lagi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/2/2021	SINAR HARIAN	NEGERI SELANGOR/ KL/JOHOR	25

FAMA sumbang barang keperluan kepada mangsa banjir di Pahang

SHAH ALAM - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyampaikan sumbangan berupa pakaian dan barangan keperluan bernilai RM30,000 kepada mangsa banjir di Pahang.

Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli berkata, barangan keperluan berkenaan dibeli menggunakan wang hasil kutipan sumbangan daripada pengunjug dan peniaga di 44 pasar tani seluruh Selangor.

"Sumbangan berupa pakaian, beras dan gula akan diserahkan kepada 138 ketua isi rumah di Kampung Paya Kechik Batu 4, Jalan Mertakab, Temerloh, Pahang. Diharapkan bantuan ini dapat meringankan beban pe-



FOTO: BERNAMA

Zainal Abidin (tiga dari kiri) dan Abdul Rashid (kanan) selepas gimik pelepasan Misi Bantuan Banjir Usahawan FAMA Selangor di Shah Alam pada Ahad.

nerima," katanya semasa memberi ucapan pada majlis pelepasan konvoi bantuan Ahad.

Hadir sama Pengarah FAMA Selangor, Abdul Rashid Bahri dan Pengerusi Pasar Tani Negeri Selangor, Zul Ahmad. Zainal Abidin berkata, sumbangan bagi Misi Bantuan Bencana Banjir adalah antara projek Jawatankuasa Pasar Tani Negeri Selangor bagi memban- tu meringankan beban serta memberi keceriaan buat individu serta keluarga yang hilang sumber pendapatan disebabkan bencana.

"Sumbangan mula dikutip sejak 10 Januari lalu sehingga semalam (Sabtu) di 44 pasar tani seluruh Selangor," katanya.

Dalam pada itu, Zainal Abidin berkata, misi sumbangan berkenaan bertujuan mewujudkan rasa kepedulian dan ihsan

usahawan terhadap kesengsaraan orang lain selain sebagai tanggungjawab sosial peniaga pasar tani.

"Semoga program ini menjadi satu daripada usaha mementem keprihatinan semua usahawan dan pengunjug pasar tani tanpa mengira latar belakang diri dalam menghulurkan sumbangan serta mampu meri ngankan sedikit kesusahannya yang dialami oleh golongan yang kurang bernasib baik yang ter babit dengan bencana alam.

"Misi ini juga mendapat kerjasama daripada kerajaan negeri Pahang melalui Jawatankuasa Operasi Banjir Daerah Temerloh bagi menghantabantuan terbabit," katanya. *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/2/2021	SINAR HARIAN	NEGERI SELANGOR/ KL/JOHOR	25

Pesawah rugi harga tetap benih padi

Boleh beli RM28 di pintu kilang berbanding RM35

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

TANJONG KARANG

Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) diminta menimbang semula penetapan harga maksimum benih padi sah pada harga RM35 bagi setiap 20 kilogram berkuat kuasa musim tanaman pertama Januari lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Pertanian dan Perdagangan Dalam Negeri Parlimen, Tan Sri Noh berkata, penetapan harga benih itu merugikan pesawah di Selangor yang boleh mendapatkan harga pada kadar hanya RM28 di pintu kilang.

Menurutnya, pelaksanaan penetapan harga itu mungkin boleh dipraktikkan di negeri lain yang terpaksa membeli benih padi pada harga melebihi RM35.

“Di Selangor, kita ada kilang mengeluarkan benih padi tetapi pesawah tidak dibenarkan membeli benih padi daripada kilang kerana kerajaan telah melantik Nafas sebagai pemborong tunggal dalam pembelian benih padi sah,” katanya pada sidang akhbar selepas Program Lawatan Menteri



Tengku Zafrul (kanan) diiringi Noh melakukan lawatan ke sebuah pusat semaian padi swasta di Parit 4, Tanjung Karang pada Ahad.

Kewangan, Senator Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz ke Pusat Pukal Padi di Parit 4 di sini pada Ahad.

Noh yang juga Ahli Parlimen Tanjung Karang berkata, masalah itu turut dibangkitkan kepada Tengku Zafrul.

“Beliau (Tengku Zafrul) juga akan membawa perkara ini kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan untuk tindakan lanjut,” katanya.

Noh berkata, Nafas seharusnya lebih fleksibel bagi memberi kebebasan kepada pesawah untuk membeli benih padi daripada kilang sedia ada yang sah.

“Kalau petani boleh dapat harga daripada pintu kilang, biarlah mereka uruskan sendiri.

“Sekiranya harga kilang lebih daripada RM35, mereka bolehlah

membuat belian benih melalui Nafas,” katanya.

Beliau memberitahu, kebanyakan pesawah turut mengeluh apabila hanya empat variati benih padi dijual Nafas pada masa ini.

“Empat variati itu adalah MR297, MR219, MR269 dan MR303, sebaliknya kebanyakan pesawah mahukan variati CL220 yang mampu menghasilkan pengeluaran hasil padi lebih baik dan rintang penyakit,” katanya.

Selain itu, katanya, beliau turut bimbang pesawah akan membeli benih tidak sah secara berleluasa sekiranya mereka terus dipaksa membeli benih daripada Nafas.

“Apabila pesawah membeli benih padi tidak sah ia sudah tentu menjejaskan pengeluaran hasil padi,” katanya.

Peraih tabur janji manis, kaut untung berganda manipulasi harga hasil laut

2,000 nelayan 'ditipu' orang tengah

PETALING JAYA - Kira-kira 2,000 nelayan seluruh negara menjadi mangsa kata-kata manis atau manipulasi peraih atau orang tengah di dalam urusan jual beli hasil tangkapan laut mereka sepanjang tahun lalu.

Pengurus Besar Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Azrin Shah Ismail berkata, golongan peraih ini mengambil kesempatan dengan membeli pada harga rendah daripada nelayan yang bertungkus lumus di laut.

"Peraih atau orang tengah ini turut memberi janji manis dan wang sugu hati kepada nelayan-nelayan. Sebagai contoh, mereka memberi minyak untuk turun ke laut, membalik peralatan seperti jalan, beri sumbangan dari segi kewangan," katanya ketika ditemui Kosmo'baru-baru ini.

Namun, katanya, mereka membeli hasil tangkapan itu dengan harga murah sebelum dijual kepada pihak berikutnya dengan hasil keuntungan berlipat kali ganda.

Azrin berkata, keadaan itu juga membuatkan timbul isu kenaikan harga hasil laut terutamanya di sekitar Lembah Klang.

"Penjualan hasil laut tadi jatuh



PELANGGAN boleh mendapat pelbagai hasil laut dengan harga berpepatan di Pusat Pengumpulan dan Pengedaran Nelayan di Taman Wahyu, Kuala Lumpur. - MUHAMAD IQBAL ROSLI

kepada pelbagai peringkat orang-orang. Kita boleh ambil contoh, orang tengah atau pemborong ikan di Johor ambil ikan melalui nelayan di sana.

"Kemudian, pengantara bekalan makanan laut yang bekalkan

penjual dan peruncit di sekitar ibu negara yang kemudian dijual di sekitar Lembah Klang.

"Itu lah yang dikatakan berperingkat, dengan kos penjagaan ikan lagi, jadi kenaikan harga ikan boleh meningkat apabila sam-



AZRIN SHAH

pai di tangan penjual ikan di sekitar ibu kota," jelasnya.

Azrin Shah berkata, kebanyakan peraih ini tiada lesen dan lambakan peraih juga menyebabkan kenaikan harga barangan hasil laut tersebut.

"Kebanyakan peraih atau orang tengah ini merupakan golongan peruncit dan pemborong tempatan, cuma mereka tidak mendaftar dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) bagi memanipulasi harga yang mereka sendiri tetapkan.

"Apabila perkara ini terjadi

maka, ramai peraih ini akan mula mengambil kesempatan ke atas nelayan-nelayan. Ada juga segelintir peraih 'lintah darat' dengan mengambil keuntungan lebih sementara ikan kurang di kawasan tertentu," katanya.

Justeru itu, katanya, bagi membendung isu tersebut, LKIM perlu mencari jalan penyelesaian untuk mengenal pasti golongan orang tengah yang tidak berdaftar ini.

Dalam pada itu, Azrin turut memberitahu, ada juga nelayan yang hanya menjual kepada 'orang' mereka sahaja atau pilih bulu.

"Contohnya, ada juga nelayan dari negara jiran yang hanya menjual kepada rakan mereka yang membuka kedai runcit di negara kita, itu juga boleh dikategorikan sebagai peraih yang tidak berdaftar," katanya.

Azrin mencadangkan supaya kerajaan membuka kompleks di setiap pantai bagi memusatkan penjualan hasil laut tersebut.

"Kesemua orang tengah ini perlu mendaftar sebelum boleh menjual kepada orang ramai, jadi kita boleh kesan jika ada kenaikan harga dan sebagainya," jelasnya.

Peniaga mengeluh harga cili padi merah cecah RM30 sekilo

Johor Bahru: Harga cili padi beberapa jenis sayuran berdaun turut meningkat. Peniaga makanan, Mohamad Izam Seran, 50, berkata, sebelum ini cili padi merah boleh dibeli pada harga RM8 sekilogram namun sekarang harganya RM25 ke atas, malah ada hingga RM29 sekilogram. Katanya, demikian juga

dengan harga sayur hijau lain seperti kailan dan sawi Jepun sebelum ini harga antara RM4 sekilogram, sekarang ada sampai harga RM8 hingga RM10 sekilogram.

"Sejak tahun lalu harga sayur memang turun naik. Tapi harga cili padi merah memang terlalu mahal dan

peniaga mendakwa mereka membeli dengan harga mahal dari pemborong kerana PKP.

"Bagi saya yang berniaga makanan pasti berdepan dilema kerana walaupun harga sayur mahal saya tidak boleh menaikkan harga makanan dengan sesuka hati kerana pelanggan pula yang

terbeban," katanya.

Sementara itu, peniaga makanan panas, Zarina Abdul Ghani, 38 berkata, dia mengakui harga barga cili padi merah terlalu mahal manakala harga sayur sawi dan kangkung naik hampir sekali ganda.

"Saya banyak pergi pasar awam dan pasar raya untuk

cari harga yang lebih murah. Bila tengok barga cili sampai RM29 sekilogram, memang termenerung nak beli atau tidak.

"Dalam PKP peniaga bukan senang dapat pelangan tetapi dalam masa sama harga sayuran dan keperluan jualan juga naik," katanya.

CIKGU 'MAIN' CANGKUL

SK Kota, Rembau tanam 700 pokok nenas sebagai projek perintis



ZULKARNAIN menunjukkan tapak tanaman nenas jenis Kristal Honey.

Oleh Mohd Khidir Zakaria
rencana@hmetro.com.my

Projek tanaman nenas menjadi pilihan Sekolah Kebangsaan (SK) Kota, Rembau, Negeri Sembilan kerana tanah di kawasan ini sesuai untuk projek pertanian.

Guru Besarnya, Zulkarnain Abd Kadir berkata, projek ini mula diusahakan pada penghujung tahun 2019 lalu



Hampir semua guru terlibat dalam projek ini termasuk beberapa murid tahun enam bagi menambah ilmu pertanian khususnya nenas jenis Kristal Honey yang mudah dijaga dan rasanya manis sesuai untuk semua peringkat usia

**ZULKARNAIN
ABD KADIR**

FOTO MOHD KHIRID ZAKARIA



ZULKARNAIN (kiri) memetik nenas yang sudah masak.

semua peringkat usia," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Katanya, selepas setahun projek tanaman nenas ini, dari 700 pokok pihaknya kini berjaya mendapatkan 300 hingga 400 nenas untuk dijual.

"Ja projek permulaan, pastinya ada beberapa kelemahan dan kami sudah kenal pasti 'musuh' utama nenas di sini iaitu monyet, tikus dan tupai.

"Alhamdulillah, banyak ilmu yang kami dapat nenas ini juga boleh dibuat jem untuk dijual sebagai pendapatan sampingan," katanya.

Zulkarnain berkata, buat masa sekarang pihaknya sedang membuat percubaan tanaman nenas dalam pasu dan beberapa tanaman lain seperti cempedak, nangka madu dan durian mosang

ting dalam plastik bag. "SK Kota ada sekitar 236 murid dan 28 guru sememangnya teruja dengan projek tanaman pelbagai pokok buah terutamanya nenas yang sudah mengeluarkan hasil membanggakan.

"Hasil pertama ini hanya cukup untuk jualan antara guru-guru di sekolah ini," katanya.

Harga semasa nenas untuk pasaran sekitar RM7 sekilo tetapi kami hanya jual RM5 sekilo dan harga suar (benih) nenas hanya RM2, boleh didapatkan di sini sahaja," katanya.

Tambahnya, projek tanaman nenas ini akan diteruskan dengan penambahbaikan terutama dari segi baja dan juga khidmat nasihat daripada pekebun nenas sendiri di kawasan Rembau.



ZULKARNAIN (tiga dari kanan) menunjukkan nenas jenis Kristal Honey.

selepas melihat banyak nenas ditanam di sekitar kawasan ini.

"Buat permulaan sekitar 700 pokok nenas ditanam di kawasan belakang sekolah kerana kawasan itu dilihat sesuai sebagai projek perintis untuk semua warga sekolah.

"Hampir semua guru terlibat dalam projek ini termasuk beberapa murid tahun enam bagi menambah ilmu pertanian khususnya nenas jenis Kristal Honey yang mudah dijaga dan rasanya manis sesuai untuk

Harga sayur meningkat, peniaga 'tawar hati'

Pemborong dakwa sukar bawa masuk bahan mentah disebabkan PKP

Oleh Omar Ahmad dan Nurul Fatimah Sulaimi
bhnews@bh.com.my

Johor Bahru: Peningkatan mendadak harga beberapa jenis sayuran, terutama cili padi merah sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kedua dilaksanakan menyebabkan peniaga 'tawar hati' untuk berniaga.

Beberapa peniaga yang ditemui meluhurkan rasa bimbang kerana harga sayuran semakin mahal sehingga mereka terpaksa mengemukakan kos yang agak tinggi.

Di Johor Bahru, harga pasaran cili padi merah mencatatkan peningkatan ketara mencecah hampir RM80 sekilogram.

Tinjauan BH di beberapa pasar raya sekitar negeri ini, mendapati selain cili padi, harga beberapa jenis sayuran lain turut meningkat.

Peniaga makanan, Mohamed Izam Seran, 50, berkata cili padi merah sebelum ini boleh dibeli pada harga RM8 sekilogram, namun barganya kini RM25 ke atas.

"Saya pernah beli cili padi merah pada harga RM29 sekilogram. Sayuran hijau lain memang mengalami kenaikan harga sejak tiga hari lalu seperti kailan dan sawi jepun antara RM8 hingga RM10 sekilogram, berbanding sebelum ini RM4, tetapi cili padi merah memang terlalu mahal, bila kita tanya kenapa jual mahal, pemborong cakap sebab PKP" katanya ketika ditemui semalam.



Peniaga di Pasar Chabang Tiga, Kuala Terengganu menaikkan harga sayuran akibat kesukaran mendapatkan bekalan berikutnya. (Foto Ghazali Kord/BH)

Peniaga masakan panas, Zarina Abdul Ghani, 38, pula berkata, cili padi merah sekarang terlalu mahal untuk dibeli sebagai bahan keperluan jualan.

"Selain cili, sayur sawi dan kangkung juga meningkat hampir sekali ganda. Saya banyak ke pasar awam dan pasar raya untuk cari harga lebih murah, tetapi bila lihat harga cili padi merah meningkat RM26 sekilogram, terfikir sekejap sama ada malu beli atau tidak," katanya yang terpaksa kurangkan pembelian cili untuk harga setengah kilogram saja.

Di Terengganu, peniaga di Pasar Bandar Jerut, di sini, mengalami kesukaran membawa masuk beberapa jenis sayuran diimport dari Thailand menyebabkan kenaikan harga, berbanding hari biasa.

Mereka berkata, sesetengah sayuran mengalami kenaikan harga kerana kesukaran pemborong membawa masuk bahan mentah itu disebabkan PKP.

Peniaga yang mahu dikenali sebagai Ayu, 20, berkata antara sayuran yang mengalami kenaikan harga adalah kacang botol iaitu

dari RM15 ke RM20 sekilogram. "Daun sup juga mengalami kenaikan dari RM8 ke RM10 sekilogram," katanya.

Sementara itu, peniaga sayur di Kampong Padang Luas, Tamini Halim, 40, berkata sayuran yang mengalami kenaikan harga adalah tomato dan cili besar.

"Tomato dan cili besar naik antara RM2 hingga RM3 sekilogram. Sayuran yang mengalami kenaikan harga diambil dari negeri jiran tetapi kini kenaikan itu tidak terlahu ketara, berbanding awal pelaksanaan PKP," katanya.

Pensyarah UMT hasil produk tenaga guna roti lebah



Wan Iryani menunjukkan produk bar tenaga segera dihasilkan menerusi roti lebah kelulut. (Foto BERNAMA)

Kuala Nerus: Roti lebah daripada lebah kelulut yang sering kali dibuang, kini dinovasikan menjadi bahan utama dalam penghasilan bar tenaga segera melalui hasil kajian seorang penyelidik Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Produk *Bee Ready Energy Bar* itu diilhamkan Pensyarah Fakulti Sains dan Sekitaran Marin UMT, Prof Madya Dr Wan Iryani Wan Ismail, selepas menjalankan penyelidikan selama lima tahun sejak 2016.

"Ketika melakukan kerja penyelidikan di lapangan, saya dapati roti lebah tidak dimanfaatkan sepenuhnya oleh penternak dan ada sesetengahnya dibuang begitu sahaja.

"Masyarakat hanya tertumpu kepada madu dan propolis kerana tidak mengetahui bahawa roti lebah ini mempunyai pelbagai khasiat untuk kesihatan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas majlis pelancaran produk itu dan penyerahan lesen hak cipta intelek antara UMT dan Bayu Gagah Marketing Sdn Bhd yang diadakan secara dalam talian, di sini semalam.

Wan Iryani berkata, beliau

memperoleh geran RM120,000 untuk menjalankan kajian mengenai roti lebah dan mendapati bahannya itu mempunyai kandungan antioksidan tinggi dan sesuai dijadikan makanan segera.

"Saya harap hasil kajian ini dapat meningkatkan nilai komersial roti lebah kelulut dan seterusnya menjana pendapatan golongan penternak di Malaysia," katanya.

Ditanya keistimewaan *Bee Ready*

Masyarakat hanya tertumpu kepada madu dan propolis kerana tidak mengetahui bahawa roti lebah ini mempunyai pelbagai khasiat untuk kesihatan.

Wan Iryani Wan Ismail,
Pensyarah Fakulti Sains
dan Sekitaran Marin UMT

ady Energy Bar, beliau berkata, formula bar tenaga rekaannya itu pertama di dunia yang menggunakan roti lebah sebagai bahan utama.

"Selain itu, ia lebih berkhasiat, tanpa gula, pengawet dan pewarna tiruan, kaya dengan protein, vitamin, mineral, asid amino dan karbohidrat. Ia juga dapat menghasilkan tenaga dua kali ganda berbanding produk lain di pasaran," katanya.

Ketua Projek Jawatankuasa Penyelidikan Pelan Pembangunan Industri Kelulut Negara 2020-2030 itu berkata, bar tenaga itu juga sesuai untuk individu yang mempunyai jadual kerja yang padat seperti pelajar, atlet atau individu yang suka melakukan aktiviti sukan lasak termasuk berbasikal dan mendaki gunung.

"Ia juga sesuai dijadikan makanan untuk petugas barisan hadapan ketika menjalankan tugas menghadapi wabak COVID-19 dan untuk mangsa bencana di pusat pemindahan sementara," katanya menambah, bar tenaga itu membebankan nutrisi dan tenaga yang diperlukan sepanjang hari.

BERNAMA